



11 Ogos 2014
11 August 2014
P.U. (A) 228

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN TAMAN NEGARA (TATACARA MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT) 2014

NATIONAL PARKS (PROCEDURE FOR ADVISORY COUNCIL MEETINGS) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA TAMAN NEGARA 1980

PERATURAN-PERATURAN TAMAN NEGARA
(TATACARA MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT) 2014

SUSUNAN PERATURAN

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran
3. Mesyuarat Majlis
4. Urus setia mesyuarat Majlis
5. Notis mesyuarat Majlis
6. Minit mesyuarat Majlis
7. Pengundian
8. Majlis boleh mengundang orang lain ke mesyuarat Majlis
9. Elaun

AKTA TAMAN NEGARA 1980

PERATURAN-PERATURAN TAMAN NEGARA
(TATACARA MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 11(1)(p) Akta Taman Negara 1980 [*Akta 226*], Menteri, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Taman Negara (Tatacara Mesyuarat Majlis Penasihat) 2014**.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, “Majlis” ertinya Majlis Penasihat Taman Negara yang ditubuh di bawah seksyen 5 Akta.

Mesyuarat Majlis

3. (1) Bagi maksud menjalankan fungsi-fungsinya, Majlis hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya satu kali setahun atau pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh Pengerusi.

(2) Korum bagi mana-mana mesyuarat Majlis ialah tujuh orang ahli termasuk Pengerusi.

(3) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mana-mana mesyuarat Majlis.

(4) Sekiranya Pengerusi tidak dapat mempengerusikan mana-mana mesyuarat Majlis, ahli yang hadir hendaklah melantik seorang daripada kalangan mereka sebagai pengerusi mesyuarat.

(5) Pengerusi atau pengerusi yang disebut dalam subperaturan (4) boleh menetapkan apa-apa perkara yang hendak dibincangkan di mesyuarat Majlis.

Urus setia mesyuarat Majlis

4. Bahagian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab pengurusan biodiversiti dan perhutanan dalam Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi mengawal selia perancangan dan dasar Taman Negara hendaklah menjadi Urus setia mesyuarat Majlis.

Notis mesyuarat Majlis

5. Urus setia mesyuarat Majlis hendaklah menyediakan notis panggilan mesyuarat dan mengedarkannya tidak kurang daripada tujuh hari bekerja sebelum mana-mana mesyuarat Majlis diadakan.

Minit mesyuarat Majlis

6. (1) Urus setia mesyuarat Majlis hendaklah menyenggara dan menyimpan minit segala mesyuarat Majlis dalam bentuk yang sewajarnya.

(2) Urus setia mesyuarat Majlis hendaklah mengedarkan minit mesyuarat Majlis kepada ahli mesyuarat Majlis selewat-lewatnya tujuh hari bekerja selepas mesyuarat Majlis diadakan.

Pengundian

7. (1) Mana-mana perkara yang tidak dapat dipersetujui oleh ahli Majlis dalam mesyuarat Majlis bolehlah diputuskan melalui kaedah pengundian yang hendaklah ditentukan oleh Pengerusi atau pengerusi yang disebut dalam subperaturan 3(4).

(2) Tiap-tiap ahli mesyuarat Majlis yang hadir adalah berhak kepada satu undi termasuk Pengerusi atau pengerusi yang disebut dalam subperaturan 3(4).

(3) Sekiranya terdapat persamaan dari segi bilangan undian berhubung dengan suatu perkara yang perlu ditentukan oleh mesyuarat Majlis, Pengerusi atau pengerusi yang disebut dalam subperaturan 3(4) hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undinya yang terdahulu.